

Headline	IPTA perlu jadi gedung lahir atlit		
Date	02. Jun 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	26
Section	Sukan	Article Size	184 cm ²
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color



IPTA perlu jadi gedung lahir atlit

MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin tidak mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menganggap institusi berkenaan hanya sebagai medan menimba ilmu demi segulung ijazah.

Hakikatnya, saya bimbang dengan sikap pelajar, apa lagi ibu bapa yang terlalu menehkankan pencapaian akademik anak-anak mereka hinggakan soal-soal seperti sukan, kegiatan kurikulum dan perkara lain membabitkan kerja sosial diketepikan.

Kenyataan menteri berkenaan banyak kebenarannya kerana IPTA bukan lagi institusi untuk menimba ilmu akademik semata-mata. Banyak kemudahan rekreasi, sukan dan kegiatan sampingan disediakan untuk menjadikan mahasiswa berkebolehan dalam pelbagai bidang.

Justeru, tidak keterlaluan jika Kementerian Pengajian Tinggi mahu masyarakat, khususnya mahasiswa mengikis tanggapan kononnya IPTA adalah 'kubur' bagi penuntut yang aktif bersukan.

Ke arah merealisasikan usaha ini, sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum), diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Likas, Kota Kinabalu minggu lalu yang mendapat sambutan di luar duagaan dengan penyertaan lebih 2,000 peserta yang mewakili 20 IPTA dalam 11 acara termasuk tennis, bola keranjang, bola jaring, bola tumpar, ragbi, futsal, catur, golf, ping pong, memanah dan taekwando.

Sebenarnya, sudah terbukti, IPTA mampu menghasilkan atlit untuk mewakili negara ke kejohanan utama. Sebagai contoh, Mohd Azlan Mubin dalam acara sepak takraw, M Jivan (hoki) dan Che Chew Chan (taekwando).

Bahkan, seperti kita ketahui, beberapa atlit lain turut mencatatkan nama cemerlang apabila enam mahasiswa dari Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Roslinda Sam-su (olahraga), Chee Chan dan Elaine Teoh (taekwondo), Cheng Chu Sian dan Wan Mohd Khalimizan Wan Abdul Aziz (memanah) dan Leong Mun Yee (terjun) melayakkan diri secara merit untuk mewakili negara di Sukan Olimpik Beijing Ogos depan.

Saya berpendapat pendedahan untuk mahasiswa yang berpotensi tidak seharusnya melalui Masum semata-mata kerana Sukan Malaysia (Sukma) juga harus mempunyai wakil, sekurang-kurangnya sebagaimana pasukan undangan.

Kedudukan ini akan memberikan keyakinan dan kepuasan kepada mahasiswa dan ibu bapa bahawa IPTA adalah institusi terbaik bagi atlit mengembangkan bakat sukan selepas alam persekolahan.

Dengan usaha Kementerian menggalakkan lebih ramai penuntut IPTA bergiat aktif dalam sukan dengan menyediakan biasiswa, saya yakin IPTA akan mampu menghasilkan lebih ramai atlit berwibawa, selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sukan yang mahukan kemajuan sukan terus diperkuatkan di IPTA dengan harapan mewujudkan kalangan 'atlit yang aktif dan berfikir' selari dengan matlamat memajukan modal insan.